

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI SARAWAK

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

Apa yang ditemui Audit?

- Sebanyak 52 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit.
- Setakat 31 Ogos 2023, penyata kewangan tahun 2022 bagi lapan daripada 52 agensi negeri telah disahkan. Sebanyak lima penyata kewangan BBN dan dua penyata kewangan PBT diberi Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran manakala satu penyata kewangan agensi diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran.
- Sebanyak 23 penyata kewangan PBT, 20 penyata kewangan BBN dan satu penyata kewangan Majlis Islam Sarawak masih belum disahkan.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pemantauan yang efektif oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri serta kerjasama semua peringkat di agensi negeri telah memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus agensi hendaklah memastikan piawaian perakaunan, prosedur operasi standard dan peraturan kewangan lain dipatuhi supaya

- pengurusan agensi negeri ditadbir dengan cekap, amanah dan telus;
- pengurusan agensi negeri hendaklah mengambil tindakan proaktif dan berkesan bagi menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan;
 - Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) hendaklah mempertimbang untuk menggunakan pakai perakaunan berasaskan akruan bagi PBT supaya penyata kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama; dan
 - PBT perlu mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh MPHLG mengenai pengendalian baki dana pembangunan dan akaun amanah khas yang tidak menunjukkan pergerakan dan tidak dibelanjakan bagi memastikan pengurusan kewangan yang berkesan dan teratur.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI SARAWAK

FAKTA UTAMA

| PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022 | Bilangan Agensi Negeri | 52 Akaun Agensi |
|--|-----------------------------------|--------------------------|
| | 26 Badan Berkanun Negeri | 8 Telah Disahkan |
| | 25 Pihak Berkuasa Tempatan | 44 Belum Disahkan |
| | 1 Majlis Agama Islam | - Belum Diterima |

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MIS). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2023, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 52 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022. Penyata kewangan agensi negeri pada tahun 2022 terdiri daripada 26 BBN, 25 PBT dan satu MIS. BBN ditubuhkan mengikut The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance 1995 serta Ordinan Tubuh BBN, PBT pula ditubuhkan di bawah The Local Authorities Ordinance, 1996 manakala MIS ditubuhkan di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi satu MIS, lima BBN dan tiga PBT manakala baki 43 penyata kewangan agensi lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi

kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2022 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Seksyen 4(1) The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995, menghendaki BBN mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Peraturan 37 The Local Authorities Financial Regulations 1997 pula menetapkan PBT perlu menyedia dan menyerahkan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Seksyen 72 Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 menghendaki penyata kewangan disediakan setiap tahun dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diperaku.

3.2. Badan Berkanun Negeri boleh memohon secara bertulis kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk melanjutkan tempoh penyerahan penyata kewangan selaras dengan Seksyen 5(1) The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance 1995. Peraturan 38 The Local Authorities Financial Regulations, 1997 juga menyatakan PBT hendaklah memohon pelanjutan masa untuk mengemukakan penyata kewangan secara bertulis kepada kementerian/jabatan.

3.3. Penyerahan penyata kewangan setakat 31 Ogos 2023 mendapat 51 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit sebelum atau pada 30 April 2023 kecuali Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) telah mengemukakan Penyata Kewangan selepas tarikh tersebut iaitu pada 27 Jun 2023. SALCRA telah mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan kepada Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak pada 27 Mac 2023 dan telah diluluskan pada 27 April 2023. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS ISLAM SARAWAK DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

| BIL. | AGENSI NEGERI | TARIKH PENYERAHAN |
|--------------------------------|---|-------------------|
| BADAN BERKANUN NEGERI | | |
| 1. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | 21.03.2023 |
| 2. | Pustaka Negeri Sarawak | 17.04.2023 |
| 3. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah | 17.04.2023 |
| 4. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak | 18.04.2023 |
| 5. | Lembaga Pelabuhan Miri | 18.04.2023 |
| 6. | Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak | 20.04.2023 |
| 7. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 20.04.2023 |
| 8. | Lembaga Amanah Yayasan Sarawak | 20.04.2023 |
| 9. | Lembaga Air Kuching (KWB) | 20.04.2023 |
| 10. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | 20.04.2023 |
| 11. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 25.04.2023 |
| 12. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 26.04.2023 |
| 13. | Lembaga Air Sibu | 26.04.2023 |
| 14. | Lembaga Pelabuhan Rajang | 27.04.2023 |
| 15. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 27.04.2023 |
| 16. | Perbadanan Sukan Sarawak | 27.04.2023 |
| 17. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke | 27.04.2023 |
| 18. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | 27.04.2023 |
| 19. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | 27.04.2023 |
| 20. | Lembaga Pelabuhan Kuching | 28.04.2023 |
| 21. | Lembaga Pelancongan Sarawak | 28.04.2023 |
| 22. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 28.04.2023 |
| 23. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | 28.04.2023 |
| 24. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 28.04.2023 |
| 25. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | 28.04.2023 |
| 26. | Lembaga Penyatuan dan Pemuliharan Tanah Sarawak | 27.06.2023 |
| MAJLIS AGAMA ISLAM | | |
| 1. | Majlis Islam Sarawak | 28.04.2023 |
| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | | |
| 1. | Majlis Daerah Simunjan | 17.01.2023 |
| 2. | Majlis Daerah Luar Bandar Sibu | 20.01.2023 |
| 3. | Majlis Daerah Lawas | 10.02.2023 |
| 4. | Majlis Daerah Kanowit | 24.02.2023 |
| 5. | Majlis Daerah Matu dan Daro | 24.02.2023 |
| 6. | Majlis Daerah Limbang | 03.03.2023 |
| 7. | Majlis Daerah Maradong dan Julau | 10.03.2023 |
| 8. | Majlis Daerah Serian | 21.03.2023 |
| 9. | Majlis Daerah Marudi | 24.03.2023 |
| 10. | Majlis Daerah Sarikei | 03.04.2023 |
| 11. | Majlis Perbandaran Kota Samarahan | 04.04.2023 |
| 12. | Majlis Perbandaran Padawan | 10.04.2023 |

| BIL. | AGENSI NEGERI | TARIKH PENYERAHAN |
|------|----------------------------------|-------------------|
| 13. | Majlis Perbandaran Sibu | 10.04.2023 |
| 14. | Majlis Daerah Lubok Antu | 17.04.2023 |
| 15. | Majlis Daerah Sri Aman | 18.04.2023 |
| 16. | Majlis Daerah Dalat dan Mukah | 18.04.2023 |
| 17. | Dewan Bandaraya Kuching Utara | 18.04.2023 |
| 18. | Majlis Daerah Lundu | 18.04.2023 |
| 19. | Majlis Daerah Kapit | 20.04.2023 |
| 20. | Majlis Bandaraya Miri | 20.04.2023 |
| 21. | Majlis Daerah Bau | 20.04.2023 |
| 22. | Majlis Bandaraya Kuching Selatan | 20.04.2023 |
| 23. | Majlis Daerah Subis | 20.04.2023 |
| 24. | Majlis Daerah Saratok | 26.04.2023 |
| 25. | Majlis Daerah Betong | 27.04.2023 |

Sumber: Daftar Penerimaan Penyata Kewangan, Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak

3.4. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan boleh diaudit (auditabile). Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan boleh diaudit akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang

dinyatakan dalam Ministerial Functions Act 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2022

| BIL. | PIAWAIAN PERAKAUNAN | BIL. AGENSI |
|---------------|---|-------------|
| 1. | Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) | 28 |
| 2. | Pekeliling Kewangan Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (Perakaunan Asas Tunai) | 24 |
| JUMLAH | | 52 |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2022

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit

Perenggan Perkara Utama Audit merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. Perenggan Perkara Utama Audit menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau juruaudit menghadapikekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer) seperti berikut:

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripadakekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran

yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap pernyataan kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas pernyataan kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2023, daripada 52 pernyataan kewangan agensi yang telah diterima, lapan pernyataan kewangan agensi telah disahkan, iaitu enam pernyataan kewangan BBN dan dua pernyataan kewangan PBT. Bagi 20 pernyataan kewangan BBN, 23 pernyataan kewangan PBT dan satu pernyataan kewangan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 masih di peringkat pengesahan oleh Jabatan Audit Negara. Bilangan pernyataan kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI DARI TAHUN 2018 HINGGA 2022

| BIL. | JENIS PENDAPAT AUDIT | TAHUN KEWANGAN | | | | |
|---------------|---|----------------|-----------|-----------|-----------|----------|
| | | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022* |
| 1. | Pendapat Tanpa Teguran | 46 | 44 | 47 | 37 | 7 |
| 2. | Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara | 6 | 7 | 1 | 1 | - |
| 3. | Pendapat Tanpa Teguran dengan Hal-hal Lain | - | - | 2 | 7 | - |
| 4. | Pendapat Berteguran | - | 1 | 2 | 7 | 1 |
| 5. | Pendapat Bertentangan | - | - | - | - | - |
| 6. | Penafian Pendapat | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | | 52 | 52 | 52 | 52 | 8 |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018 hingga 2022

Nota: (*) Kedudukan setakat 31 Ogos 2023

5.4. Status pengauditan pernyataan kewangan bagi kesemua 52 agensi negeri bagi tahun 2022 setakat 31 Ogos 2023 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS ISLAM SARAWAK DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

| BIL. | AGENSI | STATUS PENGAUDITAN |
|--------------------------------|---|---|
| BADAN BERKANUN NEGERI | | |
| 1. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | |
| 2. | Lembaga Pelabuhan Rajang | |
| 3. | Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak | Telah selesai diaudit dan diberikan Sijil Ketua Audit Negara. |
| 4. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbung Brooke | |
| 5. | Lembaga Pelabuhan Kuching | |
| 6. | Lembaga Air Sibu | |
| 7. | Lembaga Pelabuhan Miri | |
| 8. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | |
| 9. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | |
| 10. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | |
| 11. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | |
| 12. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | |
| 13. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | |
| 14. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah | |
| 15. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak | |
| 16. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | Telah selesai diaudit dan dalam proses pensijilan. |
| 17. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | |
| 18. | Lembaga Air Kuching | |
| 19. | Lembaga Kemajuan Bintulu | |
| 20. | Lembaga Amanah Yayasan Sarawak | |
| 21. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | |
| 22. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | |
| 23. | Lembaga Pelancongan Sarawak | |
| 24. | Perbadanan Sukan Sarawak | |
| 25. | Pustaka Negeri Sarawak | |
| 26. | Lembaga Penyatuan dan Pemuliharan Tanah Sarawak | Pengauditan sedang dijalankan oleh pihak FAS. |
| MAJLIS AGAMA ISLAM | | |
| 27. | Majlis Islam Sarawak | Telah selesai diaudit dan dalam proses pensijilan. |
| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | | |
| 28. | Majlis Daerah Simunjan | |
| 29. | Majlis Daerah Luar Bandar Sibu | Telah selesai diaudit dan diberikan Sijil Ketua Audit Negara. |
| 30. | Majlis Daerah Limbang | |
| 31. | Majlis Daerah Maradong dan Julau | |
| 32. | Majlis Daerah Kanowit | |
| 33. | Majlis Daerah Lawas | |
| 34. | Majlis Daerah Matu dan Daro | |
| 35. | Majlis Daerah Serian | |
| 36. | Majlis Daerah Marudi | |
| 37. | Majlis Perbandaran Sibu | |
| 38. | Majlis Daerah Sarikei | Telah selesai diaudit dan dalam proses pensijilan. |

| BIL. | AGENSI | STATUS PENG AUDITAN |
|------|-----------------------------------|--|
| 39. | Majlis Bandaraya Kuching Selatan | |
| 40. | Majlis Perbandaran Kota Samarahan | |
| 41. | Majlis Daerah Dalat dan Mukah | |
| 42. | Majlis Daerah Kapit | |
| 43. | Majlis Daerah Saratok | |
| 44. | Majlis Perbandaran Padawan | |
| 45. | Majlis Daerah Betong | |
| 46. | Majlis Daerah Subis | |
| 47. | Majlis Daerah Lubuk Antu | Telah selesai diaudit dan dalam proses pensijilan. |
| 48. | Majlis Daerah Lundu | |
| 49. | Majlis Daerah Bau | |
| 50. | Dewan Bandaraya Kuching Utara | |
| 51. | Majlis Bandaraya Miri | |
| 52. | Majlis Daerah Sri Aman | |

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2022

5.5.1. Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak lapan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap lapan penyata kewangan tersebut ialah tujuh agensi negeri diberikan Pendapat Tanpa Teguran iaitu Majlis Daerah Simunjan, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu, Lembaga Pelabuhan Rajang, Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak, Lembaga Pelabuhan Kuching, Lembaga Air Sibu dan Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbung Brooke. Satu agensi diberikan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DENGAN
PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022

| BIL. | AGENSI NEGERI | ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN |
|------|---------------------------------|--|
| 1. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | Bayaran pampasan bagi tanah telah dibuat pada 8 Jun 2022 dan <i>Memorandum of Transfer</i> telah ditandatangani pada 16 November 2022 tetapi tidak diiktiraf sebagai Aset Bukan Semasa pada tahun kewangan 2022 seperti kehendak MPERS Seksyen 17.2 dan 17.4. Perkara ini menyebabkan Aset Bukan Semasa dan Ekuiti terkurang nyata masing-masing berjumlah RM18,860,000. |

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi Tahun 2022

5.6. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2021

5.6.1. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Negeri Sarawak Tahun 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021 hanya melaporkan 49 daripada 52 penyata kewangan bagi tahun 2021 yang telah disahkan setakat 31 Ogos 2022. Baki tiga penyata kewangan iaitu Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) dan Majlis Islam Sarawak (MIS) tidak dilaporkan disebabkan masih belum disahkan ketika LKAN dimuktamadkan pada bulan Ogos 2022.

5.6.2. Setakat 31 Ogos 2023, kesemua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap tiga penyata kewangan tersebut ialah tiga agensi negeri diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Butiran seperti dalam **Jadual 6**.

| JADUAL 6 PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2021 YANG DIBERIKAN PENDAPAT AUDIT TANPA TEGURAN SELEPAS 31 OGOS 2022 | | | |
|--|--|---------------------|--------------------|
| BIL. | AGENSI NEGERI | TARIKH SIJIL | JENIS SIJIL |
| BADAN BERKANUN NEGERI | | | |
| 1. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) | 12.09.2022 | Tanpa Teguran |
| 2. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) | 20.10.2022 | Tanpa Teguran |
| MAJLIS AGAMA ISLAM | | | |
| 1. | Majlis Islam Sarawak (MIS) | 13.12.2022 | Tanpa Teguran |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2021

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Seksyen 8 The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance 1995 menetapkan penyata kewangan BBN yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan seberapa segera. Seksyen 58 The Local Authorities Ordinance 1996 pula menyatakan semua penyata kewangan PBT yang telah diaudit hendaklah diluluskan oleh MMKN dan dibentangkan di DUN. Selain itu, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 tidak menghendaki MIS membentangkan penyata kewangan di DUN.

6.2. Sebanyak 44 penyata kewangan tahun 2021 yang disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di DUN. Sebanyak tujuh agensi negeri masih belum membentangkan penyata kewangan tahun 2021 di DUN iaitu Lembaga Sungai Sarawak

(SRB), Lembaga Air Kuching (KWB), Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC), Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB), Lembaga Air Sibu (SWB), Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) dan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU). Tarikh pembentangan bagi 44 penyata kewangan agensi tersebut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2023

| BIL. | AGENSI | TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI |
|-------------------------------|---|--|
| BADAN BERKANUN NEGERI | | |
| 1. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | 21.11.2022 |
| 2. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke | |
| 3. | Pustaka Negeri Sarawak | |
| 4. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | |
| 5. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak | |
| 6. | Lembaga Pelabuhan Kuching | |
| 7. | Lembaga Pelancongan Sarawak | |
| 8. | Lembaga Pelabuhan Rajang | |
| 9. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | |
| 10. | Lembaga Pelabuhan Miri | |
| 11. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | |
| 12. | Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak | |
| 13. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 15.05.2023 |
| 14. | Lembaga Amanah Yayasan Sarawak | |
| 15. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | |
| 16. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | |
| 17. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 16.05.2023 |
| 18. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah | |
| 19. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | |
| 20. | Perbadanan Sukan Sarawak | |
| PIHK BERKUASA TEMPATAN | | |
| 21. | Majlis Daerah Luar Bandar Sibu | 21.11.2022 |
| 22. | Majlis Daerah Maradong dan Julau | |
| 23. | Majlis Daerah Kanowit | |
| 24. | Majlis Daerah Matu dan Daro | |
| 25. | Majlis Daerah Betong | |

| BIL. | AGENSI | TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI |
|------------------------------|-----------------------------------|---|
| BADAN BERKANUN NEGERI | | |
| 26. | Majlis Daerah Limbang | |
| 27. | Majlis Daerah Sarikei | |
| 28. | Majlis Daerah Marudi | |
| 29. | Majlis Daerah Kapit | |
| 30. | Majlis Perbandaran Padawan | |
| 31. | Majlis Daerah Lubok Antu | |
| 32. | Majlis Daerah Lawas | |
| 33. | Majlis Perbandaran Kota Samarahan | |
| 34. | Majlis Daerah Serian | |
| 35. | Majlis Daerah Sri Aman | |
| 36. | Majlis Daerah Bau | |
| 37. | Majlis Daerah Dalat dan Mukah | |
| 38. | Majlis Daerah Saratok | |
| 39. | Majlis Daerah Subis | |
| 40. | Majlis Perbandaran Sibu | |
| 41. | Majlis Bandaraya Miri | |
| 42. | Majlis Bandaraya Kuching Selatan | |
| 43. | Majlis Daerah Simunjan | |
| 44. | Majlis Daerah Lundu | 15.05.2023 |

Sumber: Laporan-Laporan, 'Command Papers', 'Hansard' dan 'Votes and Proceeding' Yang Dibentang Pada 21 November 2022, 15 Mei 2023 dan 16 Mei 2023

7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2023 hanya lapan penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disahkan dengan tujuh agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran manakala satu agensi diberikan Pendapat Berteguran. Sebanyak 44 penyata kewangan pula belum disahkan.

8. SYOR AUDIT

Pemantauan yang efektif oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri serta kerjasama semua peringkat di agensi negeri telah memastikan penyediaan penyata kewangan

memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 8.1. pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus agensi hendaklah memastikan piawaian perakaunan, prosedur operasi standard dan peraturan kewangan lain dipatuhi supaya pengurusan agensi negeri ditadbir dengan cekap, amanah dan telus;
- 8.2. pengurusan agensi negeri hendaklah mengambil tindakan proaktif dan berkesan bagi menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan;
- 8.3. Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) hendaklah mempertimbangkan untuk menggunakan pakai perakaunan berdasarkan akruan bagi PBT supaya penyata kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama; dan
- 8.4. PBT perlu mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh MPHLG mengenai pengendalian baki dana pembangunan dan akaun amanah khas yang tidak menunjukkan pergerakan dan tidak dibelanjakan bagi memastikan pengurusan kewangan yang berkesan dan teratur.

